



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 NOVEMBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **726 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **26,380 kes** (69.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Selangor (322 kes);
- Sabah (221 kes);
- Negeri Sembilan (95 kes);
- Kedah (32 kes);
- Sarawak (28 kes);
- Johor (11 kes);
- Pulau Pinang (10 kes);
- Melaka (3 kes);
- Terengganu (3 kes); dan
- Kelantan (1 kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Secara keseluruhannya, sehingga 6 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,755 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **38,189 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,530 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 1,199 kes (68.3 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Sebanyak **741 kes (42.2 peratus)** yang dilaporkan adalah berkaitan **kluster-kluster penjara dan Pusat Tahanan Sementara (PTS)**. Ini melibatkan Kluster PTS Tawau (372 kes), Kluster Penjara Sandakan (184 kes), Kluster Seberang Perai (162 kes), Kluster Tembok (10 kes), Kluster Penjara Kepayan (8 kes), Kluster Penjara Reman (3 kes), dan Kluster Benteng LD (2 kes).

Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 191 kes (10.9 peratus) dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan mencatatkan sebanyak 59 kes positif (3.4 peratus) pada hari ini. Kelima-lima negeri ini masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menyumbang sebanyak 1,449 kes (82.6 peratus) daripada keseluruhan kes positif COVID-19 pada hari ini.

Ingin dimaklumkan daripada 1,755 kes baharu pada hari ini, terdapat **tiga (3) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara dan satu (1) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Arab Saudi (1 kes di Sarawak);
- Afrika Selatan (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- Myanmar (1 kes di Johor).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 1,199 kes**
  - 663 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Mampulut**;
  - 363 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Tiga (3 ) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI); dan
  - 170 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang : 192 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Selangor: 164 kes**
  - 111 kes daripada kluster-kluster, termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Fores**;
  - 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 25 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan : 59 kes**
  - 40 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Negeri Sembilan : 45 kes**
  - 34 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah : 19 kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Perak : 18 kes**
  - 15 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Rengas**;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 17 kes**
  - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Fores**;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sarawak : 17 kes**
  - 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya : Sembilan (9) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Terengganu : Lapan (8) kes** daripada kluster sedia ada.
  
- **Johor : Tiga (3) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka : Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **78 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **28 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **279 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

<b>Kes No. Kematian</b>	<b>Kes No.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jantina (Warganegara)</b>	<b>Umur (tahun)</b>	<b>Hospital</b>	<b>Latar Belakang</b>
278	35982	Sabah	Perempuan (WN)	67	Hospital Duchess of Kent	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan asma
279	35303	Kedah	Lelaki (WN)	54	Hospital Sultanah Bahiyah	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik dan strok

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

## **KLUSTER DIISYTIHAR TAMAT**

KKM ingin memaklumkan bahawa tiga (3) kluster diisytiharkan tamat pada hari ini iaitu **Kluster Bah Lada, Kluster Atap** dan **Kluster Bah Sahabat** Tiada kes kematian yang dilaporkan daripada kluster-kluster ini.

### 1. **KLUSTER BAH LADA**

Kluster ini melibatkan negeri Perak. Sehingga 6 November 2020, seramai 56 orang telah disaring di mana empat (4) kes dikesan positif COVID-19. Kadar positifiti bagi kluster ini adalah 7.14%.

### 2. **KLUSTER ATAP**

Kluster ini melibatkan negeri Sabah. Sehingga 6 November 2020, seramai 48 orang telah disaring di mana empat (4) kes dikesan positif COVID-19. Kadar positifiti bagi kluster ini adalah 8.33%.

### 3. **KLUSTER BAH SAHABAT**

Kluster ini melibatkan negeri Terengganu. Sehingga 6 November 2020, seramai 53 orang telah disaring di mana 11 kes dikesan positif COVID-19. Kadar positifiti bagi kluster ini adalah 20.75%.

## **TIGA (3) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **tiga (3) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

### 1. **KLUSTER MAMPULUT**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Keningau di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-32154) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 31 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah, Kompleks Sukan Keningau, Sabah. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 27 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 6 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana:

- 28 kes dikesan positif COVID-19 (**12 kes baharu**); dan
- 181 individu dikesan negatif.

## 2. **KLUSTER FORES**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Petaling, Gombak dan Klang di negeri Selangor serta daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-25475) adalah kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) yang telah dikenal pasti positif COVID-19 pada 17 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 19 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 6 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 190 individu telah disaring, di mana:

- 20 kes dikesan positif COVID-19 (**5 kes baharu**);
- 70 individu dikesan negatif; dan
- 100 individu masih menunggu keputusan.

## 3. **KLUSTER RENGAS**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kuala Kangsar di negeri Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-36426 dan kes ke-36427) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu-individu bergejala pada 4 November 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak tujuh (7) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 6 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 290 individu telah disaring, di mana:

- Sembilan (9) kes dikesan positif COVID-19 (**7 kes baharu**); dan
- 281 individu masih menunggu keputusan.

## **PENILAIAN DAN PENENTUAN RISIKO (RISK ASSESSMENT) JANGKITAN DAN PENULARAN COVID-19 BAGI SESUATU KAWASAN**

Secara umumnya, kaedah penentuan zon jangkitan COVID-19 berdasarkan bilangan kes harian dan jumlah kes kumulatif untuk tempoh 14 hari yang lepas adalah menjadi asas kepada *District Risk Reduction Program* (DRRP). Ia membantu pemahaman tindakan selanjutnya yang perlu diambil oleh komuniti dan dipandu oleh pihak Kerajaan di kawasan setempat.

Walau bagaimanapun, kaedah penentuan zon jangkitan COVID-19 bukan hanya bergantung kepada DRRP, sebaliknya lebih penting lagi ia mengambilkira risiko jangkitan dan penularan COVID-19 dalam sesuatu kawasan. Beberapa kriteria diambil kira dalam penilaian dan penentuan risiko (risk assessment) ini iaitu:

### **1. Kadar peningkatan kes**



Peningkatan kes sama ada meningkat secara mendadak dalam tempoh masa yang singkat atau secara perlahan. Peningkatan kes yang mendadak menggambarkan kadar penularan jangkitan yang tinggi;

2. **Taburan kes positif**

Taburan kes dikenal pasti secara geomapping untuk menentukan sama ada kes-kes bertumpu atau bertaburan;

3. **Peratusan bilangan kes tidak bergejala**

Peratusan bilangan kes yang tinggi berkemungkinan menyebabkan penularan jangkitan yang tidak disedari oleh kes-kes terbabit;

4. **Kepadatan penduduk di kawasan terlibat**

Kawasan yang berkepadatan penduduk yang tinggi serta jenis tempat tinggal seperti rumah kongsi berisiko untuk meningkatkan penularan jangkitan;

5. **Latar belakang sosiodemografi setempat**

Faktor-faktor seperti penduduk bukan warganegara di sesuatu lokaliti, mobilisasi penduduk merentas mukim/ daerah/ negeri kerana keperluan bekerja atau bersekolah, kewujudan lorong-lorong tikus bagi kemasukan bukan warganegara dan sebagainya berisiko untuk meningkatkan penularan jangkitan;

6. **Kewujudan infrastruktur gunasama** di lokaliti seperti pasar, pasaraya, sekolah, rumah ibadat dan lain-lain premis yang menjadi tempat perkumpulan ramai; dan

7. **Terdapat sejarah perhimpunan beramai-ramai** di sesuatu lokaliti dalam tempoh kebolehjangkitan semasa kes mula dikesan.

Selain itu, **impak tindakan** kawalan dan pencegahan kesihatan awam yang telah dijalankan di kawasan setempat **juga diambil kira**, misalnya:

- Bilangan kontak rapat yang dikaitkan dengan kes yang telah dikenal pasti;
- Bilangan yang diberi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) termasuk yang dihantar ke stesen kuarantin; dan
- Bilangan penduduk yang terlibat.

Namun begitu, bagi **memudahkan pemahaman** oleh masyarakat dan orang umum, pendekatan warna zon seperti yang digunakan untuk DRRP adalah digunakan iaitu zon hijau, zon kuning, zon jingga dan zon merah.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
 6 November 2020 @ 6.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 6 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	1,199	19,282
<b>SELANGOR</b>	164	5,754
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	18 (1)	3,136
<b>KEDAH</b>	19	2,191
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	45	1,881
<b>PULAU PINANG</b>	192	1,324
<b>SARAWAK</b>	18 (1)	960
<b>JOHOR</b>	4 (1)	925
<b>W.P. LABUAN</b>	59	855
<b>PERAK</b>	18	552
<b>PAHANG</b>	0	395
<b>MELAKA</b>	2	320
<b>TERENGGANU</b>	8	221
<b>KELANTAN</b>	0	184
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	9	171
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,755 (3)</b>	<b>38,189</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini  
(6 November 2020)**

<b>Bil.</b>	<b>Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes Baharu</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Yang Disaring</b>	<b>Kes Aktif (Kes ICU)</b>	<b>Jumlah Sembuh</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
1	PTS Tawau	Sabah	Tawau	372	478	1,671	474 (0)	3	1
2	Penjara Sandakan	Sabah	Sandakan	184	296	646	296 (0)	0	0
3	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	162	479	5,892	230 (0)	249	0
4	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur	Klang, Petaling, Kuala Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai	54	138	206	135 (0)	3	0
5	Mesra	Sabah	Sandakan	44	133	164	77 (0)	55	1
6	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	40	387	2,247	288 (1)	99	0

7	Saguking	WP Labuan	Labuan	29	337	3,539	201 (0)	135	1
8	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Kuala Muda	20	29	122	29 (0)	0	0
9	Cergas	Negeri Sembilan	Seremban	14	90	1,048	89 (0)	1	0
10	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Larut Matang & Selama	10	1,764	9,217	278 (2)	1,482	4
11	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Seremban, Port Dickson, Rembau	10	43	499	41 (0)	2	0

12	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	9	516	1,718	330 (0)	186	0
13	Penjara Kepyayan	Sabah	Kota Kinabalu, Papar, Penampang, Sipitang	8	1,804	3,935	879 (0)	925	0
14	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar,	8	103	2,035	63 (3)	40	0

**Kerian, Larut  
Matang & Selama**

<b>15</b>	<b>Makekar</b>	<b>Terengganu, Selangor</b>	<b>Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Besut, Kuala Nerus, Klang</b>	<b>8</b>	<b>58</b>	<b>2,086</b>	<b>55 (0)</b>	<b>3</b>	<b>0</b>
<b>16</b>	<b>Gedong</b>	<b>Negeri Sembilan, Selangor, Johor, WP Kuala Lumpur &amp; Putrajaya</b>	<b>Seremban, Port Dickson, Rembau, Petaling, Johor Bahru, Cheras, Putrajaya</b>	<b>8</b>	<b>35</b>	<b>582</b>	<b>33 (0)</b>	<b>2</b>	<b>0</b>
<b>17</b>	<b>Permatang</b>	<b>Kedah, Pulau Pinang, Perak</b>	<b>Kulim, Langkawi, Kota Setar, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Selatan, Timur Laut, Kinta</b>	<b>8</b>	<b>31</b>	<b>960</b>	<b>31 (1)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>



18	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	8	27	756	27 (0)	0	0
19	Sakti	Sabah	Lahad Datu	8	26	180	8 (0)	18	0
20	Ria-30	Sabah	Tuaran	8	19	323	19 (0)	0	0
21	Seridana	WP Putrajaya	Putrajaya	7	12	58	12 (0)	0	0
22	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	6	63	1,074	15 (0)	48	0
23	Basung	Sabah	Kudat	5	85	694	61 (0)	24	0

24	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	5	69	876	21 (0)	48	0
25	Dialisis	Sabah	Lahad Datu	5	24	97	20 (0)	4	0
26	Sutera	Sabah	Kota Kinabalu	5	20	32	20 (0)	0	0
27	Sentral	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, Petaling	5	19	366	10 (0)	8	1
28	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	4	31	182	16 (0)	14	1
29	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	3	512	2,965	44 (0)	467	1
30	Tenaga	WP Labuan	Labuan	3	69	151	69 (0)	0	0
31	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	3	67	875	58 (0)	9	0
32	Titian	WP Labuan	Labuan	3	45	530	39 (0)	6	0

33	Kertang	Sabah	Kota Belud	3	41	747	16 (0)	25	0
34	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	2	1,127	16,543	124 (0)	1,002	1
35	Baki	Sarawak, Perak	Kuching, Kinta	2	44	3,140	30 (0)	14	0
36	Bandaran	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	2	17	72	11 (0)	6	0
37	Tembaga	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya	2	13	158	12 (0)	1	0
38	Ramai- Ramai	Sabah	Sandakan	1	278	801	80 (0)	198	0
39	Titir	Sabah	Keningau	1	135	2,005	71 (0)	64	0
40	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Selangor, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	1	122	1,173	19 (1)	103	0

41	Astaka	Selangor, Pahang	Petaling, Hulu Langat, Kuala Selangor, Klang, Maran	1	57	1,157	49 (0)	8	0
42	Limbungan	WP Labuan	Labuan	1	50	383	37 (0)	13	0
43	Jalan Bomba	Sabah	Sandakan	1	50	324	9 (0)	39	2
44	Teduh	Sabah	Lahad Datu	1	46	2,783	7 (0)	39	0
45	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	1	41	814	24 (0)	17	0
46	Kolong	Sabah	Keningau	1	22	322	8 (0)	14	0
47	Palma	Selangor, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Selangor, Kepong	1	21	113	5 (0)	16	0
48	Gala	Negeri Sembilan	Jelebu, Seremban	1	14	366	9 (0)	5	0